



Sungai Rawang berubah wajah

Oleh ZANIFAH MD.NOR
Gambar KOLEKSI BINA MAHIR SDN.BHD.
dan HUSSAIN IBRAHIM

MASALAH banjir kilat telah menjadi 'nanah' dalam kehidupan masyarakat sekitar Lembah Klang sejak bertahun lamanya.

Ironinya masalah ini sering dikaitkan dengan sikap tidak bertanggungjawab masyarakat sendiri kerana mengambil sikap mementingkan diri tanpa menghiraukan aspek ekosistem alam semula jadi.

Antara faktor yang dikesan ialah pembangunan tidak terancang, pembuangan sampah di kawa-

san takungan air seperti sungai dan tasik, menarah bukit serta menebang tumbuhan-tumbuhan pasak bumi di kawasan sensitif.

Menyedari kepentingan sungai dan persekitarannya, kerajaan telah mengambil langkah drastik dengan menaik taraf Sungai Rawang, Selangor bermula 1 November lalu.

Projek tebatan banjir sepanjang 2.6 kilometer melibatkan kos perbelanjaan sebanyak RM15 juta menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ia diharap dapat memadamkan mimpi ngeri penduduk yang pernah dilanda banjir teruk lima tahun lalu.

■ Sambungan ke muka 2

Projek baiki sungai RM15 juta elak banjir

■ Sambung dari muka 1

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Rawang, Datuk Tang See Hang, berkata projek yang mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan itu merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi memastikan penduduk boleh hidup dalam keadaan selesa terutama apabila musim hujan.

“Projek tebatan ini melibatkan Sungai Rawang bermula dari Kuala Garing melalui Kampung Lee Kim Sai hingga ke muara Sungai Pajam iaitu di Taman Tun Perak,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Projek di bawah penyeliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) itu akan direalisasikan oleh kontraktor Bina Mahir Sdn. Bhd.

Beliau berkata, selain Sungai Rawang, Sungai Raja yang berdekatan turut menerima peruntukan sebanyak RM5 juta untuk kerja-

kerja naik taraf.


Sementara itu, Pengurus Projek Bina Mahir Sdn. Bhd., Faizul Othman, berkata, sungai tersebut akan berwajah baru apabila dilebar-kan sepanjang 27 meter dengan ketinggian dalaman tiga meter.

“Ini termasuk ukuran lebar sungai yang akan menjadi 17 meter manakala lima meter di kiri dan kanannya akan direzabkan untuk trek jogging atau kawasan rekreasi,” katanya.

Beliau menambah, sebuah jambatan *arch* turut dibina di Kampung Lee Kim Sai bagi menggantikan jambatan besi yang lama.

Katanya, terowong berkembar di jambatan itu mempunyai ketinggian 4½ meter manakala lebar setiap satu ialah 9½ meter.

“Berdasarkan perancangan, apabila siap kelak projek ini bukan sahaja membantu melancarkan perjalanan aliran air, malah boleh dijadikan pusat rekreasi setempat,” katanya.



1. GAMBAR rajah kasar Jambatan 'arch' di Kampung Lee Kim Sai, Rawang.

2. ANTARA lokasi yang akan dinaik taraf melalui projek tebatan sungai-sungai di Rawang.

3. WAJAH lama Sungai Rawang.

4. JAMBATAN lama akan diganti baru.

